MOHD SHAHRUL HISYAM SAKRI A

lwn.

PP & RAYUAN YANG LAIN

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA B
ZALEHA ZAHARI HMR
SULAIMAN DAUD HMR
JEFFREY TAN HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: W-09-104-2008,
W-09-105-2008 & W-09-106-2008] C
4 MAC 2010

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Pencegah Rasuah 1997 - Seksyen 37(3)(a) - Perlucuthakkan harta yang disita - Wang yang disita daripada perayu-perayu merupakan hal perkara rasuah di bawah s. 11(b) Akta - Sama ada perayu-perayu gagal memberikan penjelasan yang boleh diterima mengapa wang yang disita tidak harus dilucuthak* D

PROSEDUR JENAYAH: *Perlucuthakkan - Penyitaan harta - Wang yang disita daripada perayu-perayu merupakan hal perkara rasuah - Sama ada perayu-perayu gagal memberikan penjelasan yang boleh diterima mengapa wang yang disita tidak harus dilucuthak - Akta Pencegah Rasuah 1997, ss. 11(b), 37(3)(a)* E

PROSEDUR JENAYAH: *Pendedahan maklumat - Afidavit - Afidavit jawapan - Sama ada kegagalan responden untuk memfailkan afidavit jawapan menyangkal penegasan-penegasan dalam afidavit-afidavit perayu-perayu bermakna pengakuan isi kandungan afidavit-afidavit tersebut* F

Pendakwa Raya/responden, melalui tiga permohonan yang berasingan terhadap perayu-perayu, telah memohon supaya harta yang telah G disita dilucuthakkan kepada Kerajaan Malaysia di bawah s. 37(3)(a) Akta Pencegah Rasuah 1997 ('Akta'). Permohonan-permohonan tersebut adalah berasaskan kepada siasatan kes di mana responden berpuashati bahawa jumlah wang yang telah disita daripada perayu-perayu merupakan hal perkara kesalahan rasuah di bawah s. 11(b) H Akta, iaitu kesalahan memberi atau menyetuju-terima suapan. Perayu-perayu memfailkan afidavit-afidavit tunjuk sebab yang memberikan alasan mengapa wang yang disita tidak harus dilucuthak. Persuruhjaya Kehakiman ('PK'), setelah mengkaji afidavit menyokong responden dan afidavit-afidavit yang telah difailkan oleh perayu- I

perayu, dan hujahan yang telah dikemukakan, merumuskan setiap perayu telah gagal melaksanakan beban bukti yang terletak di atas mereka. Perayu-perayu telah gagal memberi penjelasan yang boleh diterima kenapa wang yang disita tidak harus dilucuthak kepada Kerajaan. Dalam hal yang sedemikian permohonan-permohonan responden terhadap perayu-perayu telah dibenarkan, dan ketiga-tiga rayuan ini berbangkit dari keputusan PK. Peguam perayu-perayu menghujahkan kegagalan responden untuk memfailkan afidavit jawapan menyangkal penegasan-penegasan dalam afidavit-afidavit perayu-perayu bermakna pengakuan isi kandungan afidavit-afidavit tersebut.

Diputuskan (menolak rayuan-rayuan)

Oleh Zaleha Zahari HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Pihak responden berkewajipan untuk memfailkan afidavit jawapan sekiranya perkara yang dibangkitkan itu adalah di dalam pengetahuan pihak responden. Sekiranya perkara yang telah dibangkitkan tidak dalam pengetahuan pihak responden, responden tidak perlu menjawab dan kegagalan tersebut tidak terjumlah kepada suatu pengakuan kepada perkara yang diutarakan di dalam afidavit-afidavit berkenaan. Terpulanglah kepada mahkamah untuk menilai dan memberi pertimbangan kepada perkara yang diutarakan itu dalam membuat keputusannya. Perkataan "satisfied" di dalam konteks permohonan seperti ini adalah satu soalan fakta dan pertimbangan subjektif. (perenggan 27)

(2) Ia adalah amat jelas di dalam kes-kes yang dirayu bahawa PK telah memberi pertimbangan yang teliti dan berhati-hati kepada kes responden dan penjelasan perayu-perayu dan dokumen-dokumen yang telah dikemukakan. Penjelasan perayu-perayu bahawa wang yang telah disita daripada mereka adalah wang peribadi tanpa sebarang bukti sokongan tidak mencukupi untuk melepaskan tanggungjawab yang terletak ke atas mereka mengapa wang yang telah disita tidak boleh dilucuthak. PK tidak tersilap apabila memutuskan untuk tidak mempercayai penjelasan yang telah diberi oleh perayu-perayu. Tiada sebarang salah arah atau salah bacaan keterangan yang telah dikemukakan. Dalam hal sedemikian adalah tidak wajar bagi mahkamah ini di peringkat rayuan untuk campur tangan dalam

penemuan keputusan tersebut. PK telah melaksanakan budi bicaranya dengan betul apabila beliau membenarkan permohonan-permohonan responden, dan penemuannya tidak wajar diganggugugat. (perenggan 28 & 29)

***English** Translation Of Headnotes*

The public prosecutor/respondent, by way of three separate applications against the appellants, had applied for certain seized property to be forfeited to the Malaysian Government under s. 37(3)(a) of the Anti-Corruption Act 1997 ('Act'). The applications were based on an investigation of a case in which the respondent was satisfied that the money seized from the appellants pertained to the offence of corruption under s. 11(b) of the Act *ie*, the offence of giving or agreeing to accept gratification. The appellants filed show cause affidavits giving grounds why the seized money should not be forfeited. The Judicial Commissioner ('JC'), after considering the respondent's supporting affidavit and the affidavit filed by the appellants, and the submissions adduced, concluded that each appellant had failed to discharge the burden of proof placed upon them. The appellants had failed to provide acceptable explanations as to why the seized money should not be forfeited to the Government. Accordingly, the respondent's applications against the appellants were allowed, and these three appeals arose from the JC's decision. Counsel for the appellants submitted that the respondent's failure to file an affidavit-in-reply to refute the assertions in the appellants' affidavits meant an admission to the contents of said affidavits.

Held (dismissing the appeals)
Per Zaleha Zahari JCA delivering the judgment of the court:

(1) The respondent was obliged to file an affidavit-in-reply if the matter raised was within the respondent's knowledge. If the matter raised was not within the respondent's knowledge, the respondent need not reply and such failure would not amount to an admission of the matter adduced in the affidavits in question. It fell to the court to appraise and consider the matter adduced in reaching its decision. The word "satisfied" in the context of an application like this was a question of fact and subjective consideration.

A **(2)** It was clear in the pleaded cases that the JC had given due and careful consideration to the respondent's case and the appellants' explanation and the documents adduced. The appellants' explanation that the money seized from them was personal money without any supporting proof was insufficient to
B discharge the obligation placed upon them explaining why the seized money should not be forfeited. The JC did not err when deciding to distrust the explanation given by the appellants. There was no misdirection or misreading of the evidence adduced. Therefore, it was inappropriate for the court in the
C appellate stage to interfere with the findings of the said decision. The JC had exercised his discretion correctly when he allowed the respondent's applications, and his findings should not be disturbed.

D **Perundangan yang dirujuk:**
Anti-Corruption Act 1997, ss. 11(b), 25, 37(3)(a)

Bagi pihak perayu-perayu - Sritharan CN; T/n Nor Affiza & Co
Bagi pihak responden - Mohd Asnawi Abu Hanipah TPR

E *Dilaporkan oleh Suresh Nathan*

PENGHAKIMAN

F **Zaleha Zahari HMR:**

[1] Ketiga-tiga rayuan ini telah dibicarakan dan telah ditolak dengan sebulat suara berasaskan kepada alasan-alasan berikut.

[2] Pendakwa Raya (responden dalam ketiga-tiga rayuan) melalui
G tiga permohonan yang berasingan terhadap perayu-perayu (kesemuanya bertarikh 9 Ogos 2007), telah memohon supaya harta yang telah disita dilucuthakkan kepada Kerajaan Malaysia di bawah s. 37(3)(a) Akta Pencegah Rasuah 1997 ("Akta"). Wang tunai yang di sita daripada perayu dalam Permohonan 44-53-2007 ialah
H RM5,400, dari perayu dalam Permohonan 44-54-2007 ialah RM6,000, dan dari perayu dalam Permohonan 44-55-2007 ialah RM6,000.

[3] Permohonan-permohonan tersebut adalah berasaskan kepada
I siasatan kes di mana responden berpuashati bahawa jumlah wang yang telah disita daripada perayu-perayu merupakan hal perkara

kesalahan rasuah di bawah s.11(b) Akta, iaitu kesalahan memberi atau menyetuju-terima suapan. Tidak dipertikaikan tiada pendakwaan dikemukakan terhadap perayu-perayu, atau orang lain, atas kesalahan rasuah.

[4] Kronologi peristiwa yang di bentangkan dalam afidavit menyokong permohonan-permohonan responden menunjukkan peranan ketiga-tiga perayu adalah berlainan tetapi wang yang hendak dilucuthak melibatkan transaksi yang sama. Faka kes boleh diringkaskan seperti berikut. Pada masa kejadian semua kabel-kabel elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) disimpan di Setor Pusat TNB di Bangsar dan hanya boleh digunakan untuk penyelenggaraan rasmi melibatkan projek kerja oleh TNB dan bukannya kontraktor luar.

[5] Mohd Shahrul Hisyam b. Sakri (perayu dalam Rayuan No. 104, kemudian di rujuk sebagai "Hisyam") pada masa kejadian bekerja sebagai Penolong Juruteknik di TNB di Pejabat Teknikal, Kendalian dan Senggaraan di TNB Bandar Baru Selayang. Hisyam bertanggungjawab untuk mendapatkan dan mengeluarkan kabel dari Setor Pusat TNB di Bangsar.

[6] Abdul Razak bin Abdul Aziz Khan (perayu dalam Rayuan No. 106 kemudian di rujuk sebagai "Razak") pula, pada masa kejadian, bertugas sebagai Penolong Juruteknik di TNB Bandar Baru Selayang. Razak bertanggungjawab terhadap kerja-kerja penyelenggaraan, termasuk memastikan penyediaan kabel oleh Setor Pusat TNB di Bangsar mencukupi untuk pemasangan oleh kontraktor.

[7] Abdul Rahman bin Atmor (perayu dalam Rayuan No. 105 kemudian disebut "Rahman") bertugas sebagai Juruteknik di Bahagian Kabel di TNB, Bangsar.

[8] Kes responden ialah, pada 17 Julai 2006, seorang bernama Ramachandran a/l Ramasamy (Ramachandran) telah menghubungi Razak untuk memperolehi kabel eletrik bersaiz 240 mm dan kabel eletrik bersaiz 185 mm untuk kegunaan kontraktor luar. Razak telah berjanji untuk mencari orang yang boleh mengeluarkan kabel dari Setor Pusat TNB untuk dibekalkan kepada Ramachandran. Ramachandran telah bersetuju untuk membayar RM7,000 sebagai balasan untuk mendapatkan kabel saiz 240 mm dan RM6,000 untuk mendapatkan kabel saiz 185 mm.

[9] Bagi kabel saiz 185 mm, pada 20 Julai 2006, Razak telah berjumpa dengan Hisyam dan bertanya sama ada Hisyam boleh mendapatkan kabel bersaiz 185 mm untuk kontraktor luar. Hisyam bersetuju untuk mendapatkan kabel saiz 185 mm. Bagi kabel saiz 240 mm Razak telah berurusan dengan Rahman.

[10] Tawaran Ramachandran telah diterima. Sebaik sahaja mendapat persetujuan Hisyam, Razak telah menghubungi Ramachandran memberitahunya bahawa kabel yang dipohon olehnya sudah ada dan bahawa Ramachandran bolehlah menyediakan lori untuk mengambil kabel berkenaan dari Setor Pusat TNB di Bangsar pada keesokan harinya iaitu, pada 21 Julai 2006.

[11] Ramachandran telah tiba dengan lorinya pada 21.07.2006 di Setor Pusat TNB di Bangsar. Razak telah menghubungi Hisyam dan di maklumkan bahawa Hisyam telah sampai di Setor Pusat TNB di Bangsar. Razak kemudiannya menghubungi Rahman dan mengarahkannya membantu Hisyam mengeluarkan kabel saiz 185 mm dan memasukkannya ke dalam lori yang membawa muatan kabel eletrik bersaiz 240 mm yang dikeluarkan oleh Rahman.

[12] Setelah urusan tersebut selesai, Ramachandran telah mengeluarkan wang tunai sebanyak RM18,300 melalui akaun Maybank. Semasa dalam kereta Razak, Ramachandran telah memberi wang tunai sebanyak RM18,250 kepada Razak untuk diagihkan kepada ketiga-tiga perayu.

[13] Razak kemudiannya telah menyerahkan wang sebanyak RM7,000 kepada Rahman yang mana RM500 dikembalikan kepada Razak. Selanjutnya, pada petang hari yang sama, Razak telah menyerahkan wang sebanyak RM6,000 kepada Hisyam.

[14] Pada 22 Julai 2006 jam 1.45 pagi, Pegawai Badan Pencegah Rasuah, Penolong Penguasa Mohd Haris bin Ibrahim, telah menyita wang sejumlah RM5,400 daripada Razak yang diambil sendiri oleh Razak dari poket satu baju Melayu di dalam almari di bilik tidur di rumahnya di No. 16, Jalan Damai Murni, 7, Alam Damai Cheras Kuala Lumpur. Satu notis penyitaan di bawah s. 25 Akta telah disampaikan kepadanya pada 22 Julai 2006.

[15] Pada 22 Julai 2006 jam 4.05 petang, Pegawai Badan Pencegah Rasuah, Penolong Penguasa Azrul Azim bin Abdul Aziz, telah menyita wang sejumlah RM6,000 daripada Hisyam yang dijumpai di

belakang tempat duduk pemandu kereta WLS No. 69. Wang tersebut diserah sendiri oleh Hisyam. Satu notis penyitaan di bawah s. 25 Akta telah disampaikan kepadanya pada 22 Julai 2006.

[16] Pada 23 Julai 2006 jam 17.45 petang, Pegawai Badan Pencegah Rasuah, Penolong Penguasa Mohd Haris bin Ibrahim, telah menyita wang sejumlah RM6,000 daripada Rahman yang di jumpai di dalam bag "Toto" diatas almari pakaian di dalam rumah No. 17, Jalan Jasa 12, Taman Pejasa, 46500, Petaling Jaya, Selangor. Satu notis penyitaan di bawah s. 25 Akta telah disampaikan kepadanya pada 23 Julai 2006.

[17] Responden berpendapat perayu-perayu bukan pemunya *bona fide* wang yang telah disita dari mereka tetapi wang yang telah disita adalah hal perkara kesalahan di bawah s. 11(b) Akta. Dalam hal sedemikian responden telah melalui permohonan yang difailkan terhadap setiap perayu, untuk melucuthak wang yang telah disita daripada perayu masing-masing kepada Kerajaan. Dibawah s. 37 Akta, beban bukti terletak kepada setiap perayu untuk menunjuk sebab kenapa wang yang telah disita tidak harus dilucuthakkan.

Kes Perayu-Perayu

[18] Ketiga-tiga perayu telah memfailkan afidavit menunjuk sebab dan alasan kenapa wang yang disita dari mereka tidak harus dilucuthak.

[19] Menurut affidavit yang difailkan oleh Razak bagi menentang permohonan terhadapnya, beliau menyatakan wang sebanyak RM5,400 yang disita daripadanya, sebahagiannya adalah duit simpanan dari wang gaji bersihnya dan sebahagiannya adalah wang yang dikumpul untuk membeli tiket penerbangan untuk pergi ke Pakistan untuk melawat saudara maranya disana dalam tempoh Februari hingga Mei 2006, tetapi telah menangguh pemergiannya selepas bulan Ogos 2006.

[20] Hisyam pula dalam afidavit menetang permohonan terhadapnya menyatakan wang yang telah disita sebanyak RM6,000 daripadanya adalah wang beliau sendiri dan merupakan baki wang dari pengeluaran Amanah Saham Bumiputra sebanyak RM8,000 pada bulan Januari 2006. Wang tersebut dikeluarkan dan disimpan dengan niat untuk membayar wang pendahuluan 10% untuk membeli sebuah apartment di sekitar Kuala Lumpur.

[21] Bagi Rahman pula, dalam afidavitnya, beliau menyatakan wang berjumlah RM6,000 yang disita daripadanya, sebanyak RM4,000 merupakan pengeluaran Amanah Saham Bumiputra pada 14 April 2006, dan sebanyak RM3,000 pada 8 Jun 2006 yang telah disimpan olehnya untuk tujuan pembayaran yuran semester anaknya yang belajar di Politeknik Port Dickson dan untuk membiayai pembelian satu komputer riba.

Keputusan Mahkamah Tinggi

[22] Persuruhjaya Kehakiman tidak menerima penjelasan Razak oleh kerana Razak telah gagal untuk menyatakan tiket syarikat penerbangan apa yang dibeli, dan mengambil kira fakta bahawa tarikh pengeluaran visanya untuk pergi ke Pakistan telah tamat pada 15 Mei 2006. Oleh kerana tempoh visa untuk pergi ke Pakistan telahpun tamat, dan tiada apa-apa tiket penerbangan dibeli, Pesuruhjaya Kehakiman memutuskan beliau tidak dapat menerima penjelasan Razak. Persuruhjaya Kehakiman berpuashati bahawa wang tunai RM5,400 yang ditemui daripada poket baju Melayu kepunyaan Razak adalah sebahagian daripada wang yang diberikan oleh Ramachandran kepada Razak berkaitan dengan penjualan kabel TNB.

[23] Bagi penjelasan yang telah diberi oleh Hisyam pula, Persuruhjaya Kehakiman dalam Alasan Penghakimannya menyatakan, jika benar Hisyam berhasrat untuk membeli sebuah apartment, sudah tentu risalah apartment yang berkenaan akan disimpan dan di kemukakan ke Mahkamah sebagai bukti. Pesuruhjaya Kehakiman telah juga mengambil kira fakta bahawa wang RM6,000 yang telah disita daripada Hisyam dijumpai dari keretanya. Jika benar wang RM6,000 bertujuan digunakan untuk membeli sebuah apartment, tidak mungkin wang sebanyak itu disimpan di dalam kereta (yang terdedah kepada kecurian) tetapi akan disimpan di tempat yang lebih selamat. Dalam keadaan sedemikian Persuruhjaya Kehakiman juga tidak menerima penjelasan Hisyam. Persuruhjaya Kehakiman berpuashati bahawa wang RM6,000 yang disita daripada Hisyam merupakan sebahagian daripada wang yang telah diberi oleh Ramachandran kepada Razak berkaitan dengan penjualan kabel TNB.

[24] Bagi penjelasan yang telah diberi oleh Rahman berhubung dengan wang yang telah disita daripadanya, iaitu wang RM6,000, bahawa beliau telah mengeluarkan daripada simpanannya di Amanah Saham Bumiputra pada 14 April 2006 dan 8 Jun 2006 bagi maksud

untuk membayar yuran anak dan untuk pembelian komputer riba, Pesuruhjaya Kehakiman telah mengambilkira fakta kegagalan Rahman untuk mengemukakan sebarang dokumen sokongan membuktikan anak beliau sebenarnya sedang belajar di Politeknik Port Dickson (seperti kad daftar atau kad pelajar). Begitu juga alasan berhubung dengan pembelian satu komputer riba. Kegagalan Rahman untuk menyatakan harga atau jenis apa, yang akan dibeli. Dalam hal sedemikian, Pesuruhjaya Kehakiman juga memutuskan penjelasan Rahman tidak dapat diterima. Pesuruhjaya Kehakiman berpuas hati bahawa wang sebanyak RM6,000 yang disita daripada Rahman adalah sebahagian daripada wang yang telah diberi oleh Ramachandran kepada Razak berkaitan dengan penjualan kabel TNB.

[25] Sebagai kesimpulan, Persuruhjaya Kehakiman setelah mengkaji afidavit menyokong permohonan responden, dan afidavit yang telah difailkan oleh perayu-perayu, dan hujahan yang telah dikemukakan, merumuskan setiap perayu telah gagal untuk melaksanakan beban bukti yang terletak diatas mereka. Perayu-perayu telah gagal memberi penjelasan yang boleh diterima kenapa wang yang disita tidak harus dilucuthak kepada Kerajaan. Dalam hal yang sedemikian permohonan-permohonan responden terhadap perayu-perayu telah dibenarkan. Ketiga-tiga rayuan ini berbangkit dari keputusan Pesuruhjaya Kehakiman.

Keputusan

[26] Didalam kes ini responden tidak memfailkan sebarang afidavit jawapan kepada afidavit perayu-perayu. Peguam perayu menghujahkan kegagalan responden untuk memfailkan afidavit balasan menyangkal penegasan-penegasan dalam afidavit jawapan perayu-perayu, bermakna pengakuan isi kandungan afidavit perayu.

[27] Berhubung dengan isu ini, pihak responden berkewajipan untuk memfailkan afidavit jawapan sekiranya perkara yang dibangkitkan itu adalah didalam pengetahuan pihak responden. Sekiranya perkara yang dibangkitkan tidak dalam pengetahuan pihak responden, responden tidak perlu menjawab dan kegagalan tersebut tidak terjumlah kepada suatu pengakuan kepada perkara yang diutarakan didalam afidavit berkenaan. Terpulanglah kepada mahkamah untuk menilai dan memberi pertimbangan kepada perkara yang diutarakan itu dalam membuat keputusannya. Perkataan "satisfied" di dalam konteks permohonan seperti ini adalah satu soalan fakta, "a question of fact and subjective consideration ..." (lihat *N.S. Bindra's Interpretation of Statutes*).

[28] Kami berpendapat adalah amat jelas di dalam kes-kes yang dirayu, Pesuruhjaya Kehakiman telah memberi pertimbangan yang teliti dan berhati-hati kepada kes responden dan penjelasan perayu-perayu dan dokumen-dokumen yang telah dikemukakan. Kami bersetuju penjelasan perayu-perayu bahawa wang yang telah disita daripada mereka adalah wang peribadi tanpa sebarang bukti sokongan tidak mencukupi untuk melepaskan tanggungjawab yang terletak keatas mereka mengapa wang yang telah disita tidak boleh dilucuthak.

[29] Persuruhjaya Kehakiman telah memutuskan tidak mempercayai penjelasan yang telah diberi oleh perayu-perayu. Kami berpendapat Persuruhjaya Kehakiman tidak tersilap dalam membuat keputusannya. Tiada sebarang salah arah atau salah bacaan keterangan yang telah dikemukakan. Dalam hal sedemikian adalah tidak wajar bagi mahkamah ini diperingkat rayuan untuk campur tangan dalam penemuan keputusan tersebut. Pesuruhjaya Kehakiman telah melaksanakan budi bicaranya dengan betul apabila dia membenarkan permohonan-permohonan responden dan penemuannya tidak wajar diganggugugat.

[30] Dalam keadaan ini rayuan-rayuan telah ditolak dan perintah-perintah Mahkamah Tinggi dikekalkan.